

RANCANGAN PERNIAGAAN



NAMA PERNIAGAAN:

**LIELA SPA ENTERPRISE
(BIDAN GOJES MOBILE)**

BIDANG PERNIAGAAN:

**PERKHIDMATAN URUTAN TRADISIONAL MELAYU DAN URUTAN IBU
BERPANTANG (SECARA MOBILE)**

NAMA PEMILIK:

ROZILA BINTI MORLAN

NO. KAD PENGENALAN:

780529-10-5006

ALAMAT OPERASI:

NO. 133L, KG. SIRA KULIM AIR PANAS, 33300 GERIK, PERAK

TARIKH:

01 JANUARI 2026

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	LIELA SPA ENTERPRISE(BIDAN GOJES MOBILE)
Jenis Perniagaan	Pemilikan Tunggal
Bidang Perniagaan	Perkhidmatan Urutan Tradisional Melayu dan Urutan Ibu Berpantang (Secara Mobile)
Alamat Operasi	No 133L, Kg. Sira Kulim Air Panas, 33300 Gerik, Perak
Tarikh Mula Operasi	01 Januari 2025
No. Pendaftaran (SSM)	202203040500(TR0258974-D)
Nama Pemilik / Rakan Kongsi	Rozila binti Morlan

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

Perniagaan perkhidmatan Urutan Tradisional Melayu dan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin secara mobile (datang ke rumah pelanggan). Fokus utama adalah membantu pemulihan fizikal dan emosi ibu melalui rawatan seperti urutan tradisional, refleksologi, aroma terapi, mandian herba dan penjagaan ibu berpantang. Perniagaan ini menekankan suasana rawatan yang tenang, selesa dan menenangkan dengan layanan mesra serta profesional.

Nilai utama perniagaan Urutan Tradisional Melayu dan perkhidmatan penjagaan ibu selepas bersalin secara mobile ini adalah penyembuhan, keselesaan dan kepuasan pelanggan, di mana kejayaan perniagaan diukur melalui pemulihan pelanggan dan senyuman penghargaan mereka. Sasaran pelanggan terdiri daripada ibu bersalin, wanita dan individu yang memerlukan rawatan urutan di rumah dengan fleksibel masa dan lokasi yang mudah diakses.

Objektif utama perniagaan ini adalah untuk menjana pendapatan yang stabil dan berterusan melalui penyediaan perkhidmatan urutan dan penjagaan ibu selepas bersalin secara mobile dengan menawarkan pakej rawatan berkualiti yang memenuhi keperluan pelanggan.

Dengan menjana pendapatan yang stabil, membina pelanggan tetap serta mengembangkan operasi perkhidmatan, perniagaan ini diyakini berpotensi untuk berkembang di peringkat antarabangsa secara mampan. Dengan sokongan pembiayaan daripada Bank Rakyat, perniagaan perkhidmatan ini satu hari nanti pasti dapat membuka empayar baru di seluruh negeri dan di luar negara dengan penjenamaannya tersendiri sebaris produk gah dan ternama.

3. PRODUK/PERKHIDMATAN

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Pakej Rawatan Ibu Bersalin	Pakej Basic 3 Hari	RM80 - RM380
Pakej Rawatan Ibu Bersalin	Mengikut Pakej Dan Hari	RM480 - RM3,400
Pakej Me Time	Tempahan Khas	RM100 - RM300
Pakej Harian	Pakej Basic	RM60 - RM100

Kelebihan produk/Perkhidmatan:

- i. Perkhidmatan secara mobile (datang ke rumah pelanggan)
- ii. Menawarkan perkhidmatan profesional dan berkualiti
- iii. Memberi fokus kepada pemulihan fizikal dan kesejahteraan emosi pelanggan
- iv. Layanan Mesra sopan dan Beretika
- v. Suasana rawatan yang tenang dan selesa
- vi. Harga berpatutan
- vii. Tempahan fleksibel mengikut keperluan pelanggan

4. ANALISIS PASARAN

Sasaran pelanggan	Sasaran pelanggan utama terdiri daripada ibu selepas bersalin, wanita bekerja dan individu yang memerlukan rawatan urutan di rumah.
Tahap permintaan pasaran	Permintaan terhadap perkhidmatan urutan tradisional Melayu dan urutan ibu selepas bersalin adalah tinggi dan konsisten sepanjang tahun terutamanya golongan yang sangat mementingkan gaya hidup sihat dan terancang.

Pesaing utama	<ul style="list-style-type: none"> i. Terapi urutan persendirian ii. Tawaran harga iii. Lokasi tetap iv. Perkhidmatan atas talian/aplikasi tempahan
Kelebihan kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> i. Harga kompetitif ii. Perkhidmatan mudah & fleksibel (Mobile service) iii. Kepakaran sentuhan profesional iv. Pendekatan peribadi & mesra pelanggan v. Suasana rawatan tenang & selesa vi. Penggunaan produk semula jadi & selamat vii. Reputasi & Cadangan mulut ke mulut

5. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran dijalankan melalui media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Tik Tok, promosi dari mulut ke mulut serta penawaran pakej urutan yang berpatutan bagi menarik pelanggan baharu dan menjaga kualiti dan kepuasan pelanggan.

6. OPERASI PERNIAGAAN

Lokasi Operasi	Terus ke rumah pelanggan
Waktu Operasi	Mengikut tempahan pelanggan
Pembekal / Sumber Utama	<ul style="list-style-type: none"> Sumber tenaga kerja (Terapis) Sumber sokongan digital
Proses Operasi Ringkas	<p>Proses Operasi:</p> <p>Tempahan Pelanggan → Konsultasi Awal → Penyediaan peralatan & produk → Pelaksanaan Rawatan → Maklum balas susulan</p>

7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

- i. Pengurusan Perniagaan
- ii. Terapis /Tenaga kerja utama
- iii. Pengurusan Jadual & Kualiti
- iv. Latihan & Pembangunan

8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

Kos Permulaan:	RM
• <i>Peralatan urutan & kelengkapan</i>	1,800
• <i>Kos operasi bulanan</i>	900
Jumlah Kos Permulaan (RM)	1,800
Anggaran Jualan Bulanan (RM)	3,000
Kos Operasi	900
Untung Kasar Bulanan (RM)	2,100

9. RISIKO & LANGKAH KAWALAN

Risiko utama perniagaan urutan dan penjagaan ibu berpantang melibatkan kesihatan pelanggan, keselamatan terapis, kualiti perkhidmatan, kewangan dan operasi yang dikawal melalui konsultasi awal, pemantuhan SOP, latihan berterusan, polisi bayaran jelas serta pengurusan peralatan dan stok yang sistematik. Perancangan secara konsisten dan berhemah dapat mengekalkan kualiti perkhidmatan.

10. PENUTUP

Sebagai penutup, perniagaan urutan dan penjagaan ibu berpantang ini berpotensi berkembang secara mampan kerana permintaan pasaran yang berterusan sepanjang tahun, kelebihan perkhidmatan secara mobile, pengurusan operasi yang

sistematik serta komitmen terhadap kualiti dan kepuasan pelanggan. Dengan sokongan dana daripada pihak Bank Rakyat, perniagaan ini dijangka mampu memberikan pulangan yang stabil dan berterusan.